

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 14 Mei 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI LAPORAN PERANGKAAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN PERTAMA 2024

PENDUDUK MALAYSIA MENCECAH 34.0 JUTA MERANGKUMI 30.6 JUTA (90.0%) WARGANEGARA DAN 3.4 JUTA (10.0%) BUKAN WARGANEGARA

PUTRAJAYA, 14 MEI 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data penduduk, kelahiran hidup dan kematian bagi suku tahun pertama 2024.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2024 dianggarkan 34.0 juta, meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (33.2 juta). Ini disumbangkan oleh pertambahan semula jadi yang positif bagi Warganegara dan juga pertambahan penduduk Bukan Warganegara. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.6 juta (90.0%) Warganegara dan 3.4 juta (10.0%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta daripada 17.4 juta pada suku tahun pertama 2023 dan perempuan meningkat kepada 16.1 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk Warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan".

Melayu menyumbang 57.9 peratus (17.7 juta) daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 17.6 juta). Penduduk Cina, India dan Bumiputera Lain kekal kepada 22.6 peratus, 6.6 peratus dan 12.2 peratus. Bumiputera Sabah merangkumi Kadazan/Dusun (2.1%), Bajau (1.8%), Murut (0.3%), manakala

Bumiputera Sarawak merangkumi Iban (2.4%), Bidayuh (0.7%) dan Melanau (0.4%). Penduduk umur muda (0 - 14 tahun) dan umur bekerja (15 - 64 tahun) masing-masing meningkat daripada 7.5 juta dan 23.2 juta kepada 7.7 juta dan 23.8 juta pada suku tahun pertama 2024. Sementara itu, komposisi penduduk umur tua (65 tahun dan lebih) kekal tidak berubah pada 2.5 juta.

Beliau juga menyatakan, "Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 9.4 peratus (106,386 kelahiran) berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023. Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 49 bayi bagi setiap jam dan 1,182 bayi dilahirkan sehari pada suku tahun pertama 2024. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 54,747 kelahiran berbanding 51,639 kelahiran. Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,951 kelahiran (18.8%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan (323 kelahiran: 0.3%). Ibu berumur 30 - 39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi iaitu 55,864 (52.5%) pada suku tahun ini, diikuti oleh ibu berumur 20 - 29 tahun (40.0%), 40 tahun dan lebih (6.0%) dan kurang daripada 20 tahun (1.5%)".

Melayu menyumbang 68.8 peratus (73,136 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 67.6%). Kelahiran hidup bagi Cina dan India masing-masing menurun kepada 8.8 peratus dan 3.7 peratus berbanding 9.7 peratus dan 4.3 peratus pada suku tahun pertama 2023. Manakala, Bumiputera Lain merekodkan peningkatan kepada 12.7 peratus pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 12.6%).

Mengulas lanjut, sebanyak 47,964 kematian telah direkodkan pada suku tahun pertama 2024, penurunan sebanyak 1.5 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (48,693 kematian). Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 533 kematian sehari pada suku tahun pertama 2024. Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,434 manakala 20,530 kematian bagi perempuan. Pada tempoh masa yang sama, Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,730 kematian (16.1%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 68 kematian (0.1%). Kumpulan umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 34,067

kematian (71.0%), diikuti oleh umur 41 - 59 tahun (19.8%), umur 15 - 40 tahun (7.0%) dan umur 0 - 14 tahun (2.2%).


Pada suku tahun pertama 2024, Melayu menyumbang 51.4 peratus (24,667 kematian) daripada jumlah kematian (ST1 2023: 51.9%). Kematian bagi Cina meningkat kepada 27.0 peratus pada suku tahun pertama 2024 berbanding 26.1 peratus pada suku tahun pertama 2023. Sementara itu, jumlah kematian bagi India kekal tidak berubah pada 8.5 peratus, manakala kematian bagi Bumiputera Lain menurun kepada 10.4 peratus pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 10.8%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2010-2024^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun pertama, 2023 dan 2024, Malaysia


Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST1 2023	ST1 2024	ST1 2023	ST1 2024	ST1 2023	ST1 2024
Penduduk (juta)	33.2	34.0	17.4	17.8	15.8	16.1
Kelahiran hidup	117,413	106,386	60,669	54,747	56,744	51,639
Kematian	48,693	47,964	27,834	27,434	20,859	20,530

Carta 2: Statistik Demografi suku tahun pertama mengikut Kumpulan Etnik, 2023 dan 2024, Malaysia

Penduduk Warganegara




Kelahiran Hidup



Nota: ¹ termasuk Bukan Warganegara

Kematian



Nota: ¹ termasuk Bukan Warganegara

Jadual 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2023 dan 2024, Malaysia

Kumpulan etnik	ST1 2023 ^r (%)	ST1 2024 (%)
Jumlah Penduduk Warganegara	100.0	100.0
Bumiputera	70.1	70.1
Melayu	57.9	57.9
Bumiputera Sabah	4.3	4.3
Kadazan/ Dusun	49.8	49.8
Bajau	42.2	42.2
Murut	8.0	8.0
Bumiputera Sarawak	3.5	3.5
Iban	67.8	67.8
Bidayuh	19.4	19.4
Melanau	12.8	12.8
Bumiputera lain¹	4.4	4.4
Cina	22.6	22.6
India	6.6	6.6
Lain-lain	0.7	0.7

Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

^r Kemaskini

Jadual 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2023 dan 2024, Malaysia

Kumpulan etnik	ST1 2023 ^r (%)	ST1 2024 (%)
Jumlah Kelahiran Hidup	100.0	100.0
Warganegara	95.5	95.3
Bumiputera	80.2	81.5
Melayu	67.6	68.8
Bumiputera Sabah	5.3	6.3
Kadazan/ Dusun	49.2	40.0
Bajau	42.1	51.6
Murut	8.7	8.4
Bumiputera Sarawak	3.7	3.5
Iban	66.8	66.6
Bidayuh	19.8	19.7
Melanau	13.4	13.7
Bumiputera lain¹	3.6	2.9
Cina	9.7	8.8
India	4.3	3.7
Lain-lain	1.3	1.3
Bukan warganegara	4.5	4.7

Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

^r Kemaskini


Jadual 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun pertama 2023 dan 2024, Malaysia

Kumpulan etnik	ST1 2023 ^r (%)	ST1 2024 (%)
Jumlah Kematian	100.0	100.0
Warganegara	98.3	98.3
Bumiputera	62.7	61.8
Melayu	51.9	51.4
Bumiputera Sabah	4.0	3.8
Kadazan/ Dusun	56.2	53.5
Bajau	34.2	39.0
Murut	9.6	7.5
Bumiputera Sarawak	3.9	3.9
Iban	68.3	70.3
Bidayuh	18.4	18.1
Melanau	13.3	11.6
Bumiputera Lain¹	2.9	2.7
Cina	26.1	27.0
India	8.5	8.5
Lain-lain	1.0	1.0
Bukan warganegara	1.7	1.7

Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas

^r Kemaskini

Carta 3: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2022



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 MEI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, May 14th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

***MEDIA STATEMENT
FOR THE REPORT OF DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA,
FIRST QUARTER 2024***

***MALAYSIA'S POPULATION REACHED 34.0 MILLION WHICH COMPRISED
30.6 MILLION (90.0%) CITIZENS AND 3.4 MILLION (10.0%) NON-CITIZENS***

PUTRAJAYA, 14th MAY 2024 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the first quarter 2024.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's population in the first quarter 2024 was estimated at 34.0 million, an increase of 2.3 per cent as compared to the first quarter 2023 (33.2 million). This was contributed by the positive natural increase of Citizens and higher Non-citizens population. The total population comprised 30.6 million (90.0%) Citizens and 3.4 million (10.0%) Non-citizens. Males population increased to 17.8 million from 17.4 million in the first quarter 2023 and females rose to 16.1 million from 15.8 million in the same period. The overall sex ratio of population was 111 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females".

Malay accounted 57.9 per cent (17.7 million) of the population in the first quarter 2024 (Q1 2023: 17.6 million). Chinese, Indians and Other Bumiputera remained at 22.6 per cent, 6.6 per cent and 12.2 per cent, respectively. Bumiputera Sabah comprised of Kadazan/Dusun (2.1%), Bajau (1.8%) and Murut (0.3%), while Bumiputera Sarawak comprised of Iban (2.4%), Bidayuh (0.7%) and Melanau (0.4%). Young age population (0

- 14 years old) and working age population (15 – 64 years) increased from 7.5 million and 23.2 million to 7.7 million and 23.8 million in the first quarter 2024, respectively. Meanwhile, the composition of old population (65 years and over) remained unchanged at 2.5 million.

In addition, he also commented that, “The number of live births recorded a decrease of 9.4 per cent (106,386 births) as compared to 117,413 births in the first quarter 2023. On average, one baby was born per minute, 49 babies born per hour and 1,182 babies born per day in the first quarter 2024. Male babies outnumbered female babies with 54,747 births as compared to 51,639 births. Selangor recorded the highest live births of 19,951 (18.8%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest at 323 births (0.3%). Mothers aged 30 - 39 years recorded the highest live births of 55,864 (52.5%) in this quarter followed by mothers aged 20 - 29 years (40.0%), 40 years and over (6.0%) and less than 20 years (1.5%)”.

Malay accounted 68.8 per cent (73,136 live births) of the total live births in the first quarter 2024 (Q1 2023: 67.6%). Live births for Chinese and Indians decreased to 8.8 per cent and 3.7 per cent, respectively, as compared to 9.7 per cent and 4.3 per cent in the first quarter 2023. Meanwhile, Other Bumiputera increased to 12.7 per cent in the first quarter 2024 (Q1 2023: 12.6%).

Commenting further, a total of 47,964 deaths were recorded in the first quarter 2024, decreased 1.5 per cent as compared to the first quarter 2023 (48,693 deaths). On average, one death was recorded in two minutes, 22 deaths recorded per hour and 533 deaths per day in the first quarter 2024. The number of deaths recorded for males were 27,434, while 20,530 deaths for females. In the same period, Selangor recorded the highest number of deaths with 7,730 deaths (16.1%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 68 deaths (0.1%). Age group 60 years and over recorded the highest number of deaths at 34,067 deaths (71.0%), followed by age 41 - 59 years (19.8%), age 15 - 40 years (7.0%) and age 0 - 14 years (2.2%).

In the first quarter 2024, Malay registered 51.4 per cent (24,667 deaths) of total number of deaths (Q1 2023: 51.9%). Deaths for Chinese increased to 27.0 per cent as compared to 26.1 per cent in the first quarter 2023. Meanwhile, deaths for Indians remained unchanged at 8.5 per cent and total deaths for Other Bumiputera decreased to 10.4 per cent in the first quarter 2024 (Q1 2023: 10.8%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2024^p, Malaysia





Table 1: Demographic statistics for first quarter, 2023 and 2024, Malaysia


Year	Total		Male		Female	
	Q1 2023	Q1 2024	Q1 2023	Q1 2024	Q1 2023	Q1 2024
Population (million)	33.2	34.0	17.4	17.8	15.8	16.1
Live births	117,413	106,386	60,669	54,747	56,744	51,639
Deaths	48,693	47,964	27,834	27,434	20,859	20,530

Chart 2: Demographic statistics first quarter by ethnic group, 2023 and 2024, Malaysia

Citizens Population




Live Births



Note: ¹ Include Non-citizens

Deaths



Note: ¹ Include Non-citizens

Table 2: Citizens by ethnic group, first quarter 2023 and 2024, Malaysia

Ethnic group	Q1 2023 ^r (%)	Q1 2024 (%)
Total Citizens	100.0	100.0
Bumiputera	70.1	70.1
Malay	57.9	57.9
Bumiputera Sabah	4.3	4.3
Kadazan/ Dusun	49.8	49.8
Bajau	42.2	42.2
Murut	8.0	8.0
Bumiputera Sarawak	3.5	3.5
Iban	67.8	67.8
Bidayuh	19.4	19.4
Melanau	12.8	12.8
Other Bumiputera¹	4.4	4.4
Chinese	22.6	22.6
Indians	6.6	6.6
Others	0.7	0.7

Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

^r Revised

Table 3: Live births by ethnic group, first quarter 2023 and 2024, Malaysia

Ethnic group	Q1 2023^r (%)	Q1 2024 (%)
Total Live Births	100.0	100.0
Citizens	95.5	95.3
Bumiputera	80.2	81.5
Malay	67.6	68.8
Bumiputera Sabah	5.3	6.3
<i>Kadazan/ Dusun</i>	49.2	40.0
<i>Bajau</i>	42.1	51.6
<i>Murut</i>	8.7	8.4
Bumiputera Sarawak	3.7	3.5
<i>Iban</i>	66.8	66.6
<i>Bidayuh</i>	19.8	19.7
<i>Melanau</i>	13.4	13.7
Other Bumiputera¹	3.6	2.9
Chinese	9.7	8.8
Indians	4.3	3.7
Others	1.3	1.3
Non-citizens	4.5	4.7

Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

^r Revised


Table 4: Deaths by ethnic group, first quarter 2023 and 2024, Malaysia

Ethnic group	Q1 2023^r (%)	Q1 2024 (%)
Total Deaths	100.0	100.0
Citizens	98.3	98.3
Bumiputera	62.7	61.8
Malay	51.9	51.4
Bumiputera Sabah	4.0	3.8
<i>Kadazan/ Dusun</i>	56.2	53.5
<i>Bajau</i>	34.2	39.0
<i>Murut</i>	9.6	7.5
Bumiputera Sarawak	3.9	3.9
<i>Iban</i>	68.3	70.3
<i>Bidayuh</i>	18.4	18.1
<i>Melanau</i>	13.3	11.6
Other Bumiputera¹	2.9	2.7
Chinese	26.1	27.0
Indians	8.5	8.5
Others	1.0	1.0
Non-citizens	1.7	1.7

Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

^r Revised

Chart 3: Demographic transition, Malaysia, 1911-2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

14th MAY 2024